

# KERATAN AKHBAR

## Dr. Mahathir mahu warga Kemas lonjak semula imej

**SERDANG** - Kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) perlu menaikkan kembali imej serta kewibawaan jabatan tersebut sebagai sebuah organisasi pembangunan masyarakat luar bandar.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kemas perlu mara sebagai agensi utama penggerak perubahan masyarakat di luar bandar. "Semua kakitangan perlu meningkatkan prestasi kerja, sentiasa lakukan perubahan serta fleksibel dalam setiap tindakan.

"Dalam pada itu, mereka juga harus memberi fokus

sepenuhnya terhadap penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat selaras dengan aspirasi Kemas sebagai Penggerak Kesejahteraan Masyarakat Luar Bandar," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Perdana Sambutan Hari Kemas 2019 di Dewan D, Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, R. Sivarasa;

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Ketua Pengarah Kemas, Datuk Amiruddin Ariffin.

Perhimpunan yang julung-julung kali diadakan itu bertujuan untuk menerangkan hala tuju dan peranan anggota Kemas sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam memajukan masyarakat luar bandar.

Sehingga Januari 2019, kakitangan Kemas adalah seramai 17,905 orang yang terdiri daripada kakitangan tetap dan kakitangan berjawatan sementara kontrak tetap.



RINA (tiga dari kiri) melihat pendidikan awal anak-anak tabika Kemas Wilayah Persekutuan di MAEPS Serdang, Selangor semalam.

## KETERANGAN AKHBAR

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

**KERATAN BERTARIKH: 24 FEBRUARI 2019**

**HARI : AHAD**

**RUANGAN: SEMASA!**

**HALAMAN: 8**